

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

21,000 responden seluruh negara terbabit NHMS 2023

Bangi: Seramai 21,000 responden di 6,000 kediaman seluruh negara akan terbabit dalam Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023: Penyakit Tidak Berjangkit dan Permintaan Jagaan Kesihatan yang dijalankan bermula bulan ini hingga September depan.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata NHMS akan membantu Kementerian Kesihatan (KKM) menilai situasi penyakit tidak berjangkit (NCD) di negara ini, yang menjadi penyebab utama kematian seluruh dunia dan trend permintaan jagaan kesihatan, sekali gus menyumbang penggubalan dasar kesihatan negara pada masa akan datang.

Beliau berkata, statistik NCD di negara ini membimbangkan, yang mana data NHMS 2017 menunjukkan ia menyumbang 72 peratus kematian pramatang dan hampir 76 peratus beban penyakit di Malaysia.

"Data NHMS 2019 menunjukkan 18.3 peratus ataupun 3.9 juta populasi dewasa berusia 18 tahun dan ke atas menghidap diabetes, selain 30 peratus atau 6.4 juta orang menghidap penyakit tekanan darah tinggi dan 38.1 peratus atau 8.1 juta orang mempunyai masalah kolesterol tinggi.

"Beban penyakit NCD terhadap ekonomi negara juga amat tinggi, yang mana anggaran kos beban penyakit kardiovaskular, diabetes dan kanser di Malaysia antara RM100.8 bilion dan RM302.4 bilion, bersamaan 7.4 hingga 22.0 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2017, yang tentunya memberi kesan negatif kepada pembangunan negara," katanya ketika merasmikan NHMS 2023: Penyakit Tidak Berjangkit dan Permintaan Penjagaan Kesihatan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pen-

garah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dan Ketua Jabatan Oftamologi dan Ketua Pusat Penyelidikan Klinikal, Hospital Shah Alam, yang memikul tugas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Datuk Dr Nor Fariza Ngah.

Dr Zaliha berkata, menyedari NCD dan cabaran kesihatan lain di negara ini, KKM melancarkan Program Madani Afiat Peringkat Kebangsaan 2023 pada 9 Julai lalu, membabitkan pengisian aktiviti titik sentuh seperti lawatan dari rumah ke rumah dan program statik, yang memberi peluang kepada agensi terbabit bersama KKM dalam mengadakan

pameran serta aktiviti setempat.

"Ia usaha menyebar luas maklumat asas pencegahan dan hebahan mengenai program kesihatan serta inisiatif komuniti yang dijalankan KKM kepada kumpulan sasaran.

"Pengisian ini bertujuan memupuk kesedaran masyarakat mengenai kepentingan melakukan ujian saringan kesihatan bagi mengesan NCD," katanya.

Sementara itu, Dr Nor Fariza berkata, skop NHMS tahun ini meliputi penyakit diabetes, tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi, aktiviti fizikal, penggunaan tembakau, pengambilan alkohol, saringan kesihatan, amalan pemakanan, anthropometri, kesihatan mental dewasa dan kanak-kanak, asma serta ketidakupayaan, selain maklumat penjagaan kesihatan dan penggunaan perkhidmatan kesihatan.

"Kaedah pengumpulan data NHMS ini termasuk temu bual secara bersemuka, penggunaan borang soalan yang dijawab sendiri dan penilaian klinikal seperti pengukuran antropometri, tekanan darah, pemeriksaan gula serta kolesterol," katanya.



Dr Zaliha Mustafa

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

HTAR siasat kematian budak

KLANG – Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) akan menjalankan siasatan berhubung kematian seorang kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun ketika mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan itu baru-baru ini.

Pengarah HTAR, Dr. Zulkarnain Mohd. Rawi berkata, pihaknya akan merujuk video yang tular dalam aplikasi TikTok bagi mengetahui lebih lanjut tentang perkara tersebut.

Menurut beliau, berdasarkan pemeriksaan awal, pesakit kanak-kanak itu datang ke Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR bersama bapanya pada 9 Julai lalu.

"Keadaan pesakit ketika itu (datang ke hospital) lemah dan telah diberikan rawatan sewajarnya oleh pakar perubatan kecemasan.

"Namun, pesakit tidak dapat

diselamatkan dan punca kematiannya masih dalam siasatan Jabatan Perubatan Forensik HTAR," katanya di sini semalam.

Zulkarnain memberitahu, pihaknya bersimpati dan menzahirkan takziah kepada keluarga mangsa atas kehilangan tersebut.

"HTAR akan berhubung lanjut dengan keluarga kanak-kanak itu bagi perbincangan lebih lanjut," ujarnya.



Di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang inilah seorang budak perempuan berusia 10 tahun meninggal dunia baru-baru ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : NASIONAL

Batal lesen jika jual peranti perubatan tidak sah

MDA beri amaran itu kepada penjual dan pengedar peranti perubatan tidak sah atau tanpa kelulusan pihak berkuasa

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN dan
HISYAMUDDIN AYUB
CYBERJAYA

Jangan ambil mudah jual peranti perubatan tidak didaftarkan di negara ini kerana tindakan tegas termasuk pembatalan lesen perniagaan menanti buat golongan yang masih berdegil.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Muralitharan Paramasua berkata, amaran itu diberikan kepada penjual dan pengedar peranti perubatan tidak sah atau tanpa kelulusan pihak berkuasa.

Menurutnya, terdapat lambakan penjualan peranti perubatan dalam pasaran negara termasuk penjualan secara dalam talian.

Tegas Muralitharan, pihaknya akan terus membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas peranti perubatan yang dibawa masuk dari luar negara dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

"Pada tahun ini, MDA telah membatalkan lima lesen syarikat pengeluar dan pengedar peranti perubatan kerana melanggar peraturan ditetapkan.

"Malah nilai rampasan tahun ini sehingga



Muralitharan (dua dari kanan) menunjukkan peranti perubatan berupa kondom tidak sah yang dirampas di Sungai Petani, Kedah, Khamis lalu.

Julai adalah sebanyak RM500,000 melibatkan peranti perubatan yang palsu dan sub standard," katanya di sini pada Jumaat.

Menurut Muralitharan, masih terdapat banyak penjualan peranti perubatan di pasaran negara terutama di Lembah Klang kerana pihak tidak bertanggungjawab ingin mendapat keuntungan besar.

"Justeru MDA akan melakukan operasi serbuan dan penguatkuasaan secara berterusan bagi mengekang penuluran peranti perubatan tidak sah dalam pasaran negara," ujarnya.

Terbaru, Muralitharan berkata, MDA melakukan serbuan di sebuah premis yang khusus menjual kondom di Taman Pekan Baru, Sungai Petani, Kedah pada Khamis.

Katanya, dalam serbuan bersama pihak

Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu, MDA berjaya merampas 501 unit kondom yang dianggarkan bernilai sekitar RM5,000.

Menurutnya, premis menjual kondom tidak berdaftar itu dipercayai telah beroperasi sejak tiga tahun lalu selain tidak mempunyai lesen establismen.

Jelasnya, kebanyakan peranti perubatan syarikat itu dijual kepada individu secara langsung dan dalam talian.

"Serbuan ini dibuat bagi mengekang penjualan peranti perubatan tidak berdaftar, seterusnya memberi perlindungan kepada pengguna.

"Ia bagi mengelak daripada risiko terkena jangkitan penyakit kerana kondom yang dijual tanpa pendaftaran adalah berisiko tinggi," jelas beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : NASIONAL

Atasi tekanan mental anak-anak PPR

Persekitaran yang sempit dan tidak selesa perlu diganti dengan perumahan berdaya huni

KUALA LUMPUR

Setiap bulan, Dr Norhayati Mohd Noor menerima tidak kurang daripada tiga kes berkaitan tekanan mental anak-anak dari Program Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar Lembah Klang, sejak beliau mengendalikan kaunseling keluarga dan program psikopendidikan keluarga 12 tahun lepas.

Beliau yang merupakan pensyarah kanan Kaunseling/Kaunselor (Keluarga & Perkahwinan) Program Asasi Pusat Genius@ Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu berkata, isu utama yang disuarakan ibu bapa yang datang menemui mereka bagi mendapatkan nasihat ialah anak-anak tidak mahu ke sekolah, tidak gembira, memberontak selain banyak berdiam diri.

Menurutnya, hasil perjumpaan dengan anak-anak PPR, didapati kebanyakan mereka berdepan tekanan mental sangat tinggi berikutan persekitaran yang tidak selesa dengan ruang rumah sempit selain tiada kawasan untuk beriadah.

"Kebanyakan ibu bapa tidak sedar anak mereka terkenan kerana menganggap kehidupan dilalui anak sama seperti yang dilalui oleh mereka sebelum ini. Contohnya, tinggal di rumah sempit, (ahli) keluarga ramai."

"Ini saya simpulkan mereka (ibu bapa) tidak mempunyai empati kerana situasi persekitaran PPR dahulu berbeza dengan sekarang. Misalnya dulu, walaupun rumah sempit, masih ada kawasan beriadah berbanding sekarang sangat terhad hingga tiada tempat untuk kanak-kanak ini bermain," katanya.

Berkongsi satu kes, beliau berkata, seorang kanak-kanak lelaki berumur 10 tahun yang ditemuinya di sebuah PPR, membentak tidak mahu lagi tinggal bersama keluarga kerana asyik dimarahi ibu bapa dan jiran setiap kali ingin bersukan seperti bermain bola.

Tidak selesa

Ketiadaan tempat untuk kanak-kanak ini beriadah menyebabkan mereka terpaksa bermain di dalam rumah atau di koridor sehingga mengganggu ketenteraman jiran tetangga.

"Walaupun ada sebahagian PPR mempunyai padang untuk riadah, tempat itu didominasi oleh penduduk dewasa sehingga kanak-kanak ini terpinggir, terkenan dan tidak gembira."

"Dari sudut psikologi, memang sifat kanak-kanak cenderung untuk berseronok. Malah, ada kajian mendapati kanak-kanak yang kurang bermain cenderung terdedah kepada tekanan mental," katanya.

Masalah yang dibangkitkan oleh pakar itu disokong oleh satu kajian baru-baru



Kawasan PPR yang sempit dan tidak selesa menjadi punca kanak-kanak menghadapi tekanan mental.

ini yang mendapati 13.4 peratus remaja dan kanak-kanak di kawasan PPR cenderung mencedera dan membunuh diri, selain lebih 12.3 peratus kanak-kanak dan remaja berusia 10 hingga 17 tahun di PPR Lembah Klang mengalami masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan keimbangan.

Kajian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dijalankan ke atas 1,578 kanak-kanak dan remaja di 37 buah PPR di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Selain itu, Norhayati yang berpengalaman selama 28 tahun dalam bidang kaunseling berkata, antara faktor yang menyebabkan anak-anak PPR tidak bersemangat dan fokus menyilapkan kerja sekolah ialah ruang kediaman sempit selain tidak mempunyai kemudahan meja untuk mengulang kaji pelajaran.

Rasa rendah diri

Bukan itu sahaja, struktur dinding rumah yang tidak kalis bunyi menyebabkan mereka mudah terganggu oleh pelbagai bunyi dari unit bersebelahan dan koridor.

"Bagaimanapun, saya juga pernah melihat ada anak-anak PPR yang berusaha dapat keputusan (akademik) yang baik supaya dapat peluang memasuki sekolah berasrama dan seterusnya dapat keluar dari perumahan tersebut," katanya.

Berhubung kecenderungan golongan muda di PPR membunuh diri, pakar kaunseling itu berkata, terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada isu tersebut antaranya masalah kewangan ibu bapa yang menyebabkan mereka tidak gembira dan berasa rendah diri apabila membandingkan kehidupan mereka dengan rakan daripada keluarga senang.

Menurutnya, kehidupan di PPR jauh berbeza dengan kehidupan di kampung yang lebih bersifat homogenus (gaya hidup hampir sama) berbanding di PPR yang berbentuk heterogenus kerana komposisi penduduk yang mempunyai pelbagai tahap pendapatan.

Isu ini mendapat perhatian Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Ngia Kor Ming yang sebelum ini dipetik berkata, semua projek PPR baharu perlu



NORHAYATI

MOHD ZAIRUL

menepati lima ciri iaitu berdaya huni, senang dihubungi, mampan, kualiti baik dan komuniti bagus.

Impak kepada kanak-kanak

Mengulas lebih lanjut, Norhayati berkata, perkembangan psikologi kanak-kanak dan remaja di PPR amat penting dalam melahirkan modal insan yang kukuh dari segi emosi, pemikiran dan fizikal. Justeru, isu kesejahteraan rumah PPR perlu ditangani sebaiknya.

"Yang membimbangkan bukan hanya isu kesakitan mental golongan remaja dan kanak-kanak sehingga ada kecenderungan membunuh diri, tetapi lebih kepada kesan kesejahteraan kehidupan masyarakat di sekeliling mereka."

"Ini kerana masalah mental bukan sahaja melibatkan individu dan keluarga itu tetapi secara keseluruhannya dengan impak yang mampu memusnahkan sesebuah negara," katanya, menambah mereka yang hidup gembira ketika kanak-kanak hingga remaja pasti akan memiliki psikologi yang sihat.

Dalam mewujudkan PPR yang berdaya huni, beliau melihat keperluan pelbagai agensi kerajaan bekerjasama dalam menyediakan aktiviti, infrastruktur, psikopendidikan keluarga (aspek kewangan, pendidikan dan kesihatan) untuk perumahan tersebut.

Aspek kebajikan lain seperti peraturan yang berkaitan dengan kebersihan dan keselamatan juga perlu ditambah baik dari masa ke masa mengikut keperluan kanak-kanak dan remaja di perumahan PPR.

Rumah kos rendah kondusif

Sementara itu, pensyarah kanan di Jabatan Seni Bina, Fakulti Rekabentuk dan SeniBina Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Mohd Zairul

Mohd Noor melihat ada keperluan Dasar Perumahan Negara disemak semula dalam mewujudkan perumahan kos rendah baharu yang lebih kondusif, berkualiti dan selesa untuk dihuni.

Langkah itu perlu bagi memastikan pembinaan rumah awam sesuai dengan sosiobudaya dan demografi masyarakat setempat serta tidak mengikut kehendak pemaju yang hanya mementingkan keuntungan.

"Tanggungjawab membina rumah kos rendah adalah di bawah kerajaan negeri dan GLC (agensi berkaitan kerajaan) seperti SPNB (Syarikat Perumahan Negara Berhad) dan Uda Holdings Berhad. Akan berlaku masalah apabila kerajaan negeri bergantung pada pemaju swasta untuk membina perumahan ini."

"Pemaju pastinya memikirkan keuntungan, jadi akan berlaku kelemahan termasuk dari segi kemudahan dan reka bentuk bangunan serta landskap yang tidak sesuai," katanya.

Sehubungan itu kata beliau, kerajaan negeri tidak boleh lepas tangan dalam memastikan pemaju membina perumahan yang turut menitikberatkan elemen kemanusiaan dan persekitaran hijau bagi memastikan penghuninya hidup dalam keadaan harmoni, positif dan tenang.

Mengulas isu kepadatan penghuni di dalam sesebuah unit PPR atau keluarga generasi sandwich pula, Mohd Zairul berkata, kerajaan boleh memperbanyak rumah transit untuk belia termasuk mereka yang belum mempunyai kerja tetap.

Beliau berkata, ketika ini, negara amat kurang menyediakan perumahan untuk belia khususnya yang tidak mempunyai pendapatan tetap, menyebabkan mereka terpaksa tinggal bersama keluarga dan adik-beradik lain sehingga mewujudkan ketidakseselesaian.

"Saya pernah buat satu kajian kes di sebuah flat di Larkin, Johor. Ada sebuah keluarga mempunyai enam orang anak yang kesemuanya telah bekerja, namun masih tinggal bersama ibu bapa kerana tidak mampu menyewa rumah lain."

"Kita boleh bayangkan betapa sesaknya rumah itu selain setiap daripada mereka mempunyai kenderaan masing-masing sehingga menyebabkan masalah kekurangan tempat letak kenderaan," katanya. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : NEGERI



Kenyataan media HTAR Klang berhubung kematian kanak-kanak ketika mendapatkan rawatan di hospital berkenaan.

HTAR siasat kematian kanak-kanak 10 tahun

SHAH ALAM - Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang menjalankan siasatan berhubung kematian seorang kanak-kanak berusia 10 tahun ketika mendapatkan rawatan di hospital itu baru-baru ini.

Pengarahnya, Dr Zulkarnain Mohd Rawi berkata, perkara tersebut dirujuk selepas video berhubung kematian itu tular di aplikasi TikTok.

Ujarnya, pesakit kanak-kanak itu hadir ke Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR bersama bapanya pada 9 Julai lalu.

"Keadaan pesakit ketika itu lemah dan telah diberikan rawatan sewajarnya oleh Pakar Perubatan Kecemasan," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Bagaimanapun, jelasnya, pesakit itu tidak dapat diselamatkan dan punca kematian masih dalam

siasatan Jabatan Perubatan Forensik HTAR.

Dr Zulkarnain memberitahu, pihaknya bersimpati dan menzahirkan takziah kepada keluarga Allahyarham.

"Dimaklumkan bahawa perkara ini sedang dalam siasatan HTAR dan akan berhubung dengan keluarga bagi perbincangan lebih lanjut mengenai kes tersebut," tambahnya.



DR ZULKARNAIN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI



DR. Zaliha Mustafa (tengah) merasmikan Majlis Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 di sebuah hotel di Bandar Baru Bangi, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

Lebih RM100 bilion kos rawat penyakit tidak berjangkit

BANGI: Lebih RM100 bilion daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) digunakan untuk menampung kos rawatan penyakit tidak berjangkit (NCD) rakyat Malaysia.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa menjelaskan, beban penyakit NCD terhadap ekonomi negara setakat ini amat tinggi.

“Anggaran kos beban penyakit kardiovaskular, diabetes dan kanser di Malaysia adalah antara RM100.8 bilion hingga RM302.4 bilion bersamaan 7.4 peratus

hingga 22.0 peratus daripada KDNK pada tahun 2017.

“Beban NCD yang sangat besar ini sudah tentunya memberi kesan negatif kepada pembangunan negara kita.

“Data NHMS 2019 kita juga menunjukkan lebih 80 peratus daripada mereka yang menghidap penyakit NCD ini mendapatkan rawatan mereka di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM),” katanya dalam ucapan perasmian Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS).

Tinjauan tersebut akan dijalankan oleh Institut Kesihatan Umum (IKU) dan melibatkan kira-kira 6,000 isi rumah yang dipilih secara rawak bagi mendapatkan data kesihatan menyeluruh NCD kalangan penduduk Malaysia.

Menurut Dr. Zaliha, statistik NCD dalam negara adalah pada kadar yang membimbangkan.

Data NHMS 2019 menunjukkan 18.3 peratus ataupun 3.9 juta populasi dewasa berumur 18 tahun dan ke atas di Malaysia menghidap diabetes.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

Double dose of *bad news*

Medicine prices are rising and set to increase even further due to the spike in raw material prices and logistics costs. Meanwhile, general practitioners say unless their consultation fees are raised, private practice may become a 'sunset industry'. > See reports on

pages 4 & 5 by KHOO GEK SAN and RAGANANTHINI VETHASALAM

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION



Stock check:
Pharmacist Nur Asma Dalila is topping up medicine in her outlet in Sungai Buloh, Selangor.
— AZLINA ABDULLAH/The Star

Cough up more for your meds

Rising raw material prices and weaker ringgit leading to higher prices

By KHOO GEK SAN
and RAGANANTHINI VETHASALAM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The weaker ringgit, rising raw material prices and logistics costs have driven medicine prices up by 8% over the last few months, say industry players.

They said the price increases were expected to continue.

A marketing manager of a local pharmaceutical company, Oh Tong Keong, said the price of raw materials used in medicine production had increased by 10% to 15% year to date as a result of the ringgit weakening against the greenback.

This has led to medicine prices going up by 8%.

Oh said his company still had existing stocks of raw materials and would be able to cushion the price increase for the time being.

"Prices of imported new raw materials have increased by an average of 10% to 15%, and the price of the drugs will be adjusted accordingly.

"The prices of drugs produced from March to May have been adjusted upwards, and these drugs are following market prices," he added.

He said diabetes and hypertension drug prices remained unchanged, but the prices of cholesterol medicine and antibiotics had been on the rise.

Oh urged the public not to hoard medicines and to only purchase them as and when needed.

He also said that apart from the price increase in raw materials, there had been a 100% increase in the price of bottles used in packaging medicines.



Malaysian Pharmacists Society president Amrahi Buang is anticipating another 5% increase in medicine prices.

Imported medicines, including those sourced from India and Europe where transactions are done in US dollars, will definitely be affected.

"As long as you trade in US dollars, it will go up. It is not because of the medicine, but from which company you buy and from where you buy," he said.

Amrahi said medicine prices were going up annually prior to the Covid-19 pandemic, but since then, price increases occur at least twice a year.

He added that it was difficult to determine how pharmacies set their prices as it could differ depending on the type of pharmacy.

He said the government should monitor the price of medicines in the market.

Meanwhile, speaking on the condition of anonymity, a general practitioner said medicine prices had been increasing every six months "for a long time now".

"There doesn't seem to be any form of regulation or enforcement on this," he said.

He added that prices would increase when there was a shortage in the market.

However, even when stocks are replenished, the prices are not reduced.

According to Aon's 2022 Global Medical Trend Rates Report, Malaysia's estimated medical inflation rate is 12% and is increasing at an average of 10-15% annually.

A spoonful of 'bitter medicine'

PETALING JAYA: Consumers are feeling the pinch as rising drug prices lead to mounting medical bills.

Some who need to constantly replenish their supply said they might have to cut down on other expenses to be able to afford their medicine.

A 74-year-old retiree who requested anonymity said he noticed a significant increase in price for his monthly supply of alpha-blockers for his prostate.

"The past few months, I noticed the price for a box of 30 alpha-blockers was RM217.

"Recently, I purchased the same brand and it cost me RM245.

"I cannot find alternatives because this is what I was prescribed," he said.

The Hulu Kelang resident said he relied on a government health clinic for his high-blood pressure medicine.

"At least, I can save some money on the medicine I get from the health clinic," he added.

A content creator who only wanted to be known as Lee, 48, said her mother's hypertension medicine increased from RM59 in August last year to RM76.25 in March.

"It is quite a huge burden for my family as we have to fork out between RM600 and RM1,000 every three months to buy her medicine and all the supplements she needs.

SEE NEXT PAGE

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Ill winds blow for private GPs

Consultation fees haven't increased but medicine prices have gone up, group laments

By KHOO GEK SAN and
RAGANANTHINI VETHASALAM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Private general practice may turn into a "sunset industry" due to the double whammy of outdated consultation fees and the rising cost of medication, a group has sounded the alarm.

Federation of Private Medical Practitioners Associations Malaysia president Dr Shanmuganathan TV Ganeson said consultation fees are stipulated by the Private Healthcare Facilities and Services Act.

Consultation fees for private general practitioners (GPs) and

dental clinics are capped at RM10 to RM35 under Schedule 7 of the Act.

Private hospital specialists' consultation fees are legislated at a rate of RM80 to RM235 under Schedule 13 of the same Act.

Dr Shanmuganathan said consultation fees have remained stagnant for over three decades, while rising drug prices have affected GPs.

"We are stuck – on one side we cannot increase consultation fees, on the other side, everything is going up. Maybe we are seeing a sunset industry. It (private practice) is not viable," he said.

He said medicine prices increase from time to time.

Private GPs will have to pass it on to patients or absorb it, which will also mean that the take-home pay for GPs will be lower.

"We cannot blame the drug producers either, because the cost of raw materials and logistics have gone up. That is the situation as it is. I think everybody is affected in one way or the other," he said.

He added that the price hike schedules vary according to companies.

"I can say that every one to two months, some company will increase its prices," he said.

Dr Shanmuganathan said medicines come pre-packaged these days – for example, cough syrups

come in 60ml or 90ml bottles while tablets come in strips. Previously, clinics used to purchase in bulk and then dispense the medicines in bottles.

"Those days, if prices went up, we could reduce the amount of medicine and ask patients to take it for a few days, wait and see (if it works), and then come back, and so on.

"Nowadays, we give it as it is – so we can't cut the price either," he added.

Another senior GP who spoke on condition of anonymity said it is time the Health Ministry takes proactive action to review consultation fees.

"Our operating costs are high

and it seems that there is a lack of initiative and interest on the government's part to look into this matter.

"We do not have much of a buffer with the consultation fee either. There must be political will to look into this too," he said.

In December 2019, the then Cabinet – led by Pakatan Harapan – decided to deregulate the professional fees for GPs, dentists and specialists. However, that move did not come into effect.

On May 2 this year, Health director-general Datuk Dr Radzi Abu Hassan said the government may restructure the consultation fees after Parliament approves the Health White Paper.

Govt firm in ensuring medicines remain affordable

FROM PAGE 4

"She needs supplements for her knee pain and blood circulation, and also to keep her from dizziness," she said.

Meanwhile, Ahmad, 50, said 60 tablets of antiarrhythmic medicine which used to cost RM406 now costs RM412.

"The rising prices are no longer sustainable – I need to cut down on my other expenses to afford

this medicine," he said.

On July 8, Health Minister Dr Zaliha Mustafa said her ministry was waiting for reports from pharmacies on an anticipated rise in medicine prices.

She said her ministry was willing to work with other ministries including the Science, Technology and Innovation Ministry to promote research and development, and increase the production of medicines in the country, thus

reducing dependence on imported medicines.

Meanwhile, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub, when met at an event recently, said the ministry could not stage an intervention in the price hike for all items due to the free market policy.

"The ministry has formulated a comprehensive assistance strategy to ensure people continue to have access to daily necessities at

an affordable rate when prices are rising," he said, adding that it was his ministry's priority to ensure that essential items remained affordable.

Salahuddin said the ministry had successfully introduced the Payung Rahmah initiative, which has stabilised inflation.

He also said the ministry's agencies would inform the Health Ministry if it came across complaints of medicine price hikes.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NATION



Protecting consumers: Muralitharan (centre) showing the unregistered condoms seized in the raid in Sungai Petani, Kedah, during a press conference at the MDA headquarters in Cyberjaya. — SHAARI CHEMAT/The Star

Spa selling illegal condoms busted

The unregistered product also sold to teens

By MAHADHIR MONIHULDIN
mahadhir@thestar.com.my

CYBERJAYA: For three years, an unlicensed spa resort in Sungai Petani, Kedah, made a small fortune from selling unregistered condoms to teenagers and those who wanted to keep their flings discreet.

The spa did this via online trading platforms in order to evade the authorities' radar until they were busted by the Health Ministry and the police on Thursday.

The raid uncovered RM5,000 worth of unregistered condoms at the spa resort in Taman Pekan Baru, Sungai Petani, said Medical Device Authority (MDA) chief executive officer Muralitharan Paramasua.

A total of 501 units of condoms were confiscated during the raid which involved nine MDA enforcement officers and three police officers.

"The raid was carried out to prevent unregistered medical devices from entering the Malaysian market," Muralitharan told reporters during a press conference at the MDA building here.

"We look to protect consumers from the harms that come from these unregistered

condoms as they can expose people to sexually transmitted diseases such as syphilis, gonorrhoea and HIV," he added.

Muralitharan advised shop owners, healthcare providers and the public to always check the licence of a retail store and the registration details of its products at www.mda.gov.my and mdar.mda.gov.my.

Complaints can also be filed against unregistered medical products or unlicensed companies via the MDA Feedback Management System (Femes).

"MDA is always monitoring the sale of medical products and we will not hesitate to take action against anyone who violates the Medical Device Act 2012 (Act 737)," he said.

The case is being investigated under Section 5(1) of Act 737 for selling an unregistered medical device.

It is also being investigated under Section 15(1) of the same act for selling a medical device under an unlicensed company.

If found guilty, both sections provide a fine of RM200,000 or imprisonment up to three years or both.